

**SOALAN NO. 50**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YANG BERHORMAT DATO' TUAN IGNATIUS  
DORELL LEIKING [ PENAMPANG ]

**TARIKH :** 17 MEI 2016

**SOALAN :**

**YB Dato' Tuan Ignatius Dorell Leiking [ Penampang ]** minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan akan menaikkan elaun-elaun termasuk elaun perumahan pegawai polis di seluruh Sabah memandangkan bahawa kos sewa rumah di Sabah agak tinggi.

**JAWAPAN:      YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada kesejahteraan penjawat awam terutamanya yang melibatkan peningkatan kos sara hidup. Pada masa ini, kadar Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) yang dinikmati oleh pegawai polis berpangkat Penolong Pesuruhjaya Polis dan ke bawah yang berkhidmat di negeri Sabah telah ditetapkan pada kadar yang lebih tinggi dari negeri-negeri lain. Melalui Pekeling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2015, Kerajaan turut bersetuju anggota PDRM yang menduduki kuarters diberikan 25% daripada kadar kelayakan ITP pegawai.

Selain itu, pegawai polis yang berkhidmat di negeri Sabah turut menikmati Bayaran Insentif Wilayah (BIW) yang dikira berdasarkan peratus lingkungan gaji. Pada masa yang sama, kerajaan juga dari semasa ke semasa sentiasa menjalankan kajian serta semakan ke atas saraan penjawat awam (termasuk pegawai polis) terutamanya yang melibatkan kenaikan kos sara hidup.

Sekian, terima kasih.